



# Implementation of Maqasid Al-Syariah Contemporary Perspective

## Implementasi Maqasid Al-Syariah Perspektif Kontemporari

Abd Rauf Muhammad Amin<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup>Kolej Universiti Perguruan Ugama, BRUNEI

\*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/jstard.2020.02.03.023>

Received 30 September 2020; Accepted 30 November 2020; Available online 31 December 2020

**Abstract:** Al-Dharūriyyāt al-Khamsah is an important issue in the study of maqasid al-syariah. This has continued to undergo discourse enrichment since al-Juwaini and al-Gazali introduced it. In a sense, scholars from the past to the present have always tried to develop how the mechanism of its application into the real world according to the context of their respective times. Enrichment, innovation, and development of the discourse of the implementation of al-Dharūriyyāt al-Khamsah are considered necessary based on the fact that the needs of modern society are very much different from the needs of society in the past when our scholars discussed this issue. The results show that this matter has been debated in many cases at least the scholarly debate on the arrangement and concept of each item from the five matters. This paper will attempt to introduce the interpretations of contemporary scholars to the mechanism of preserving and defending religion, soul, lineage, intellect, and property.

**Keywords:** Maqasid al-Syariah, Al-Dharuriyyāt al-Khamsah, contemporary implementation, *Al-Muwafaqat*

**Abstrak:** Al-Dharūriyyāt al-Khamsah merupakan isu penting dalam kajian maqasid al-syariah. Perkara ini terus mengalami pengayaan wacana sejak Juwaini dan al-Gazali memperkenalkannya. Dalam erti kata, ulama sejak dulu sampai sekarang sentiasa berusaha mengembangkan bagaimana mekanisme penerapannya ke dalam dunia nyata mengikut konteks zaman masing-masing. Pengayaan, inovasi dan pengembangan wacana implementasi al-Dharūriyyāt al-Khamsah dianggap perlu berdasarkan realiti bahawa keperluan-keperluan masyarakat moden sudah sangat jauh berbeza dengan keperluan masyarakat dulu ketika ulama kita memperbincangkan isu ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa perkara ini telah terjadi perdebatan mengenainya dalam banyak hal sekurang-kurangnya perdebatan ulama mengenai susunan dan konsep setiap item dari lima perkara berkenaan. Kertas kerja ini akan mencuba memperkenalkan tafsiran-tafsiran ulama kontemporer mekanisme memelihara dan mempertahankan agama, jiwa, keturunan, akal dan harta.

**Kata Kunci:** Maqasid al-Syariah, Al-Dharuriyyāt al-Khamsah, implementasi kontemporari

### 1. Pengenalan

Dalam kajian hukum Islam, Syariat Islam sesungguhnya telah menetapkan tujuan-tujuan hukum di sebalik semua bentuk ajaran-ajaran hukum yang ditetapkan dan disyariatkan. Dengan kata lain mengaplikasikan semua ajaran-ajaran hukum parsial samada dalam bidang ibadah mahupun muamalah bertujuan untuk mewujudkan tujuan-tujuan itu. Tujuan-tujuan inilah yang kemudian yang diterjemahkan secara ilmiah menjadi Maqāsid al-Syariah.

Teori utama dalam Maqāṣid al-Syariah ialah teori kemaslahatan yang menegaskan bahawa syariat Islam atau hukum-hukum syara' diturunkan oleh Allah untuk mewujudkan kemaslahatan dan menghindarkan kemudaratan dari manusia. Kemaslahatan ini kemudian diperincikan menjadi lima bentuk kemaslahatan utama yakni memelihara agama, memelihara jiwa, memelihara keturunan, memelihara akal dan memelihara harta. Ketika menyebut Maqāṣid al-Syariah maka yang terlintas dalam pikiran orang ialah lima bentuk kemaslahatan tadi yang sekaligus menggambarkan betapa kuatnya konsep ini dalam wacana Maqāṣid al-Syariah meskipun Maqāṣid adalah sebuah konsep dan isu besar dan bukan hanya memperbincangkan lima perkara diatas. Bahkan Maqāṣid al-Syariah tidaklah sekadar konsep tetapi ia juga sebagai pendekatan dalam memahami dan mengaplikasikan Islam terutama dalam kehidupan kontemporari dalam rangka membangun manusia agar dapat mengabdikan diri kepada sang Khaliq sebagai suatu goal terakhir dari penciptaannya. Artikel ini akan mencoba menggambarkan bagaimana bagaimana sepatutnya umat Islam terutama kalangan pemikir dan cendekiawan muslim memahamai dan mengaplikasikan konsep Maqāṣid al-Syariah al-Dharūriyya atau yang sering disebut al-Dharūriyyāt al-Khamsah dalam kehidupan kontemporari.

## 2. Konsep Maqāṣid Al-Syari'ah

Isu Maqāṣid al-Syariah adalah isu penting dan menarik. Oleh sebab itulah ia dianggap sebagai diskursus abad ke 21 kerana ia hampir mendominasi semua wacana keislaman di abad ini. Dalam sejarahnya, sejak Muhammad Abduh mencadangkan untuk menerbitkan dan kemudian membincangkan *al-Muwafaqat*, karya monumental Imam al-Syatibi, maka perbincangan mengenainya menjadi perbincangan hangat dan menarik sampai saat ini. Berdasarkan fakta sejarah, meskipun al-Syatibi diakui sebagai pengasas ilmu Maqāṣid kerana dialah yang pertama menulis secara sistematis mengenainya, namun Maqāṣid al-Syariah telah menjadi amalan-amalan ijtihad para sahabat dan inilah kemudian yang membuat pendekatan Maqāṣid al-Syariah menjadi pendekatan yang *legitimated*. Bukan hanya setakat itu, Perhatian terhadap Maqāṣid al-Syariah juga dapat disaksikan di kalangan *Tābiin*, *Tābi' al-Tabi'in* dan para Imam Mazhab selanjutnya.

Sebelum mengemukakan definisi Maqāṣid al-Syariah, bolehlah dikatakan bahawa hubungan Maqāṣid al-Syariah (Tujuan-Tujuan Hukum) dengan Syariah (hukum-hukum) hampir sama hubungan hardware dan software dalam bidang IT. Sebuah laptop atau komputer yang mahal tidak akan ada gunanya apabila belum memasang (install) OS (Operating System) nya. Atau OS yang bervirus tidak akan menjadikan performance laptop itu seperti yang diharapkan. Peranan Maqāṣid al-Syariah bagi pelaksanaan Syariah hampir sama peranannya dengan software tadi. Kerana itu Imam al-Syatibi menyatakan bahawa Maqāṣid itu merupakan ruh atau nyawa bagi semua tindakan dan perbuatan<sup>1</sup>.

Kata *Maqāṣid* adalah bentuk plural dari kata *Maqsid* atau *Maqsad* yang memiliki akar kata dari *qasada-yaqsidu-qasdan*. Kata ini memiliki banyak erti dalam bahasa arab. *قصد له وقصد إليه* adalah kata-kata yang berbeza tapi memiliki erti yang sama, diantaranya bererti mendatangi-fulan-dengan sengaja, menuju kepadanya, berimbang (antara boros dan kikir) dalam hal belanja, keadilan<sup>2</sup>.

Dalam konteks umum, apabila kita memperbincangkan mengenai *Maqāṣid* maka yang dimaksudkan adalah objektifiti syariah yang dalam bahasa arab sering dikemukakan dengan menggunakan term *Maqāṣid al-Syariah*, *Maqāṣid al-Syari'* dan *al-Maqāṣid al-Syari'ah*.

Dapat dikatakan bahawa pengertitan definitif tidak ditemukan dalam karya-karya *mutaqaddimin*. Salah satu sebab yang dapat dikemukakan ialah kerana ilmu *Maqāṣid* belum menjadi kajian dan studi yang independen dari ilmu ushul fiqh. Mengikut fakta yang ada ulama-ulama ushul *mutaqaddimin* menyinggung Maqāṣid ketika mereka membahaskan isu mashlahah kerana keterkaitan yang sangat erat antara keduanya bahkan masalah dapat dikatakan merupakan inti Maqāṣid al-Syariah dan semua dimensi Maqāṣid al-Syariah berpaksikan kepada kemaslahatan.

Berdasarkan hal itu, maka ulama-ulama ushul klasik apabila memasuki bahasan Maqāṣid mereka tidak menyuguhkan definisi Maqāṣid yang akurat tapi mereka hanya menyinggung unsur terpenting dari konsep Maqāṣid yakni "Mashlahah".

Imam al-Gazali misalnya mengatakan "Mashlahah itu pada dasarnya ( yang dipahami kebanyakan orang) adalah mewujudkan kemashlahatan dan menolak (mencegah) kemudaratan atau kerosakan. Namun bukan ini yang kita maksud dari kata mashlahah. Sebab mewujudkan kemaslahatan dan menolak kemudaratan adalah tujuan-tujuan yang ingin dicapai oleh manusia, dan kebaikan manusia terdapat pada pemenuhan tujuan-tujuan mereka. Yang kita maksudkan dari mashlahah itu adalah memelihara atau melindungi tujuan-tujuan Allah (*al-Syari'*). Tujuan –tujuan Allah itu adalah memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta<sup>3</sup>.

Dalam pernyataan diatas imam al-Gazali tidak memberi definisi Maqāṣid al-Syariah tapi dia memberi definisi Mashlahah iaitu memelihara tujuan-tujuan agama. Lalu kemudian ia memerinci tujuan-tujuan yang dimaksud yakni memelihara agama, memelihara jiwa, memelihara akal, memelihara keturunan, dan memelihara harta. Dan tradisi ini kemudian dilanjutkan oleh al-Amidi. Al-Amidi mengatakan, "Tujuan dari pensyariatian hukum itu adalah untuk

<sup>1</sup> Lihat al-Syatibi, *al-Muwafaqat*, jilid 2 hlmn 344.

<sup>2</sup> Untuk mengetahui arti-arti Maqāṣid secara bahasa lihat Abd. Rauf Amin. 2013. *al-Ijtihadu taatstsuruhi wa Ta'tsiuruhi fi Fiqhai al-Maqāṣid wa al-Waqi*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, h. 229.

<sup>3</sup> Al-Gazali. 1413. *Al-Mustashfa*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, jilid 1 hlm 286.

mewujudkan kemaslahatan atau menolak kemudaratan atau kedua-keduanya<sup>4</sup>”. Lagi-lagi al-Amidi tidak mengemukakan definisi Maqāṣid tapi ia memperkenalkan unsur penting dari bangunan konsep Maqāṣid al-Syariah yakni Mashlahah.

Yang lain ulama adalah Salam-al Abd bin Izz<sup>5</sup>-al Imam

menegaskan bahawa Maqāṣid bukunya Dalam Mashlahah. adalah itu *Qawāid al-Ahkām fi Maṣāliḥ al-Anām* ia menuturkan berikut ini:

Barang siapa yang mengamati tujuan-tujuan Allah dalam mewujudkan berbagai kemaslahatan dan menolak berbagai kemudaratan maka pastilah ia meyakini bahawa kemaslahatan itu sama sekali tidak boleh diabaikan dan kemudaratan itu sama sekali tidak boleh didekati (dilakukan) meskipun tidak ada ijma, nash dan qiyas yang mendukungnya.<sup>5</sup>

Imam al-Syatibi yang sangat populer sebagai pengasas Maqāṣid dalam studi Maqāṣid kerana hanya dialah yang mengumpulkan bahasan-bahasan Maqāṣid dari tempat-tempat yang terpecah dan memberi ruang khusus bagi konsep Maqāṣid dalam buku monumentalnya al-Muwafaqat juga mengulangi tradisi pendahulunya dalam soal tidak memberi definisi yang jelas bagi esensi Maqāṣid. Ia mengatakan, “ hukum-hukum agama semuanya merujuk kepada terwujudnya tujuan-tujuan yang ingin dicapai dari manusia. Dan tujuan-tujuan itu tidak lepas dari tiga tipe. Pertama, *Maqāṣid al-Darūriyyah*, kedua *Maqāṣid al-Hajjiyyah*, dan yang ketiga *Maqāṣid al-Tahṣīniyyah*”.<sup>6</sup> Dalam pernyataan al-Syatibi diatas tidak menggambarkan sebuah definisi namun ia hanya memberi informasi tentang tipe-tipe Maqāṣid.

Yusuf al-‘Alim, salah seorang penulis kontemporari melanjutkan tradisi ulama usuliyun klasik, ia juga memberi definisi Maqāṣid dengan Maslahah, ia mengatakan “ Maqāṣid adalah kemaslahatan (Masāliḥ) yang diperoleh atau dicapai oleh hamba-hamba Allah di dunia dan di akhirat baik kemaslahatan itu dicapai melalui perwujudan kemanfaatan-kemanfaatan atau dengan melalui pencegahan kemudaratan-kemudaratan”<sup>7</sup>.

Berdasarkan kenyataan di atas, dan kerana usuliyun klasik tidak menghadirkan definisi yang jelas bagi Maqāṣid maka beberapa penulis kontemporari telah melakukan usaha determinasi Maqāṣid dengan definisi yang akurat. Sepanjang pengetahuan dan penyelidikan penulis, ulama kontemporari yang pertama memulai menyuguhkan definisi yang dimaksud adalah Imam Muhammad Ibnu Asyur seorang ulama berkebangsaan Tunis. Definisi Maqāṣid yang diajukannya adalah sebagai berikut: “Maqāṣid ‘Ammah (tujuan umum) adalah esensi-esensi dan hikmah-hikmah yang hendak diwujudkan oleh agama (al-Syāri‘) di semua bidang atau di dalam mayoritas bidang hukum Islam, sehingga hikmah-hikmah yang dimaksud tidak hanya tampak di bidang tertentu hukum Islam”<sup>8</sup>.

Setelah Ibnu Asyur mengemukakan esensi *Maqāṣid ‘Ammah*, ia kemudian memperkenalkan *Maqāṣid Khassah* (tujuan khusus) dengan menyuguhkan definisinya sebagai berikut; “*Maqāṣid khassah* adalah “tindakan-tindakan atau perbuatan-perbuatan yang dimaksud oleh manusia itu sendiri dan manusia selalu berusaha untuk mewujudkannya. Tujuan khusus yang ingin dicapai pada bidang muamalah misalnya adalah cara-cara tertentu yang diinginkan oleh Syari untuk mewujudkan tujuan-tujuan manusia yang bermanfaat atau untuk memelihara kemaslahatan mereka pada tindakan-tindakan khusus mereka. Termasuk dalam kategori ini adalah tujuan-tujuan yang ingin dicapai dalam setiap transaksi (*tasarrufāt*) yang dilakukan oleh manusia seperti tujuan “dokumentasi” dalam setiap transaksi penggadaian, tujuan memantapkan tegaknya tatanan keluarga dalam akad nikah, dan tujuan pencegahan terjadinya kemudaratan dalam hukum-hukum yang berkaitan dengan perceraian (talak)”<sup>9</sup>.

Apa yang dikemukakan Ibnu Asyur juga bukan sepenuhnya definisi untuk Maqāṣid tetapi tidak lebih dari pengelompokan Maqāṣid, dan itu tampak jelas dari redaksi yang dia gunakan.

Setelah Ibnu ‘Asyur, muncul ‘Alāl al-Fāsi, Ahmad al-Raisuni dan Nuruddin al-Khadami. Mereka adalah pemikir-pemikir kontemporari yang berkebangsaan Maroko dan Tunis. Dalam tesis masternya bertajuk “Konsep Maqāṣid perspektif al-Syatibi” yang diajuakannya di universiti Muhammad al-Khamis di Maroko, Ahmad al-Raisuni mengemukakan definisi yang cukup singkat dan mudah dipahami. Ia mengatakan, “Maqāṣid al-Syariah adalah tujuan-tujuan (*gāyāt*) yang ingin dicapai dan diwujudkan dari penetapan hukum-hukum Syariah demi terwujudnya kemaslahatan manusia”<sup>10</sup>.

Setelah mengemukakan definisi-definisi Maqāṣid al-Syariah yang diajukan para ulama samada dari kalangan klasik mahupun kontemporari, penulis akan mengemukakan definisi yang dianggap komprehensif iaitu melanjutkan definisi al-Raisuni dengan menambah kalimat “dan mewujudkan perhambaan kepada Allah” setelah kalimat “demi terwujudnya kemaslahatan bagi manusia” yang ada pada definisi al-Raisuni. Dengan demikian, maka definisi Maqāṣid

<sup>4</sup> Al-Amidi. 1404. *Al-Ihkām fi ushul al-Ahkām*, Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi, 3/296.

<sup>5</sup> Al-‘Iz bin Abdussalam. Tth. *Qawāid al-Ahkām fi Masāliḥ al-Anām*, Beirut: Dar al-kutub al-‘Ilmiyah 2/160.

<sup>6</sup> Al-Syatibi. Opcit. 2/8.

<sup>7</sup> Yusuf al-‘Alim. Tth. *Al-Maqāṣid al-Ammah li al-Syariah al-Islamiyyah*, Kairo: Dar al-Hadits, hlmn.79.

<sup>8</sup> Ibnu ‘Asyur. 2001. *Maqāṣid al-Syariah al-Islamiyyah*, Jordan: Dar al-Nafais, hlm 251.

<sup>9</sup> Ibid, hlm. 415.

<sup>10</sup> Al-Raisuni. 1992. *Nazariyyat al-Maqāṣid ‘Inda al-Syatibi*, al-Ma ‘had al-‘Alami li al-Fikr al-Islami, hlm.19.

al-Syariah menjadi “Tujuan-tujuan (*gāyāt*) yang ingin dicapai dan diwujudkan dari penetapan hukum-hukum Syariah demi terwujudnya kemaslahatan manusia dan terwujudnya perhambaan manusia kepada Allah”.

Dengan demikian, maka definisi Maqāṣid memiliki tiga unsur utama yakni; Tujuan (*gāyāt*), Mewujudkan kemaslahatan manusia, dan Mewujudkan (terciptanya) perhambaan manusia kepada Allah.

### 3. Urgensi Maqāṣid Al-Syarī‘ah

Pemahaman terhadap Maqāṣid al-Syariah memiliki banyak manfaat dan faedah bagi seorang muslim dalam hal memahami dan mengamalkan Islam. Mengenali Maqāṣid al-Syariah sama sahaja mengenali keutamaan-keutamaan (Mahāsin) Islam. Dengan Maqāṣid orang-orang Islam dapat menjadi lebih tertarik dan lebih cinta terhadap Islam, bahkan boleh mendorong orang-orang non muslim. Fakta menunjukkan bahawa agama Islam tidak jarang dirugikan oleh umat Islam itu sendiri. Tidak sedikit orang salah paham terhadap Islam disebabkan ulah dan perilaku umat Islam itu sendiri.

Sebelum mengemukakan pelbagai kenyataan para ulama mengenai pentingnya Maqāṣid, akan dikemukakan sebuah perumpamaan sederhana mengenai faedah dan bahaya ketidak fahaman seorang muslim mengenainya. Seorang anak kecil sedang sakit demam. Salah seorang tuanya segera mencarikan ubat untuknya agar secepatnya dapat sembuh. Kerana masih sangat kecil dan belum dapat paham apa-apa, anak itu tidak mau memakannya kerana apabila ia melihat ubat maka dalam pikirannya hanya kepahitan ubat mengikut pengetahuan dan pengalamannya. Kalau sahaja ia paham apa erti kesembuhan dan betapa nilainya kesehatan maka tentu tidak akan ia menolak makan ubat. Perumpamaan sederhana ini boleh kita gunakan untuk menggambarkan situasi umat Islam saat ini. Tidak sedikit umat Islam ini tidak tertarik atau tidak senang menunaikan atau melaksanakan perintah dan tegahan agama kerana mereka tidak memahami apa matlamat-matlamat Allah di sebalik semua ajaran-ajaran hukumnya. Kalau kesembuhan anak tadi sangat terpulang kepada kemauannya memakan ubat maka demikian halnya umat Islam. Hadirnya ketenangan, kebaikan, keberkatan dalam semua aspek kehidupan kita juga terpulang kepada kemauan kita melaksanakan ajaran-ajaran hukum Allah. Disamping itu pula, masalah kedua yang dapat muncul ialah adanya sebahagian umat Islam tetap taat menjalankan ajaran-ajaran hukum Allah tetapi kerana dia tidak memahami Maqāṣid al-Syariah disamping melakukan perintah dan tegahan Allah ia juga aktif melakukan hal-hal yang bertembung dengan tujuan-tujuan Allah dari perintah agama yang ia lakukan. Inilah yang disebut sebagai *split personality*. Dalam kes anak kecil tadi, meskipun ia terpaksa memakan ubat, tetapi ia juga melakukan hal-hal yang boleh memperlambat bahkan menambah sakit demamnya seperti makan ice cream, menyalakan air condition dan lain. Sehingga kesembuhan yang diharapkan orang tuanya tidak dapat terwujud meskipun ia sudah makan ubat. Hal yang sama juga berlaku pada diri umat Islam. Mereka melakukan perintah-perintah Allah tapi pada masa yang sama juga melakukan hal-hal lain yang menyalahi esensi dari perintah-perintah Allah yang mereka jalankan. Misalnya ada orang yang bawa tasbih di sebelah kirinya tapi sebelah kanan tangannya ada rokok yang ia isap dan asapnya mengepul ruangan dan mengganggu orang banyak. Ini salah satu contoh *split personality*. Tasbih itu adalah simbol kecintaan Allah dan hak-hak jamaah itu adalah hak Allah. Mengganggu jamaah adalah mengganggu Allah. Selanjutnya, kita melihat betapa besar perhatian ulama-ulama dulu mengenai pentingnya pengetahuan dan pengamalan Maqāṣid al-Syariah dalam proses keberislaman umat Islam.

Imam Al-Juwani, salah seorang ulama yang dianggap sebagai sumber inspirasi pemikiran Maqāṣid bagi ulama yang datang kemudian telah memberi *signal* kuat bagi perlunya memperhatikan Maqāṣid al-Syariah dalam memahami ajaran-ajaran hukum. Ia mengatakan :

ومن لم يتقن لوقوع المقاصد في الأوامر والنواهي فليس على بصيرة من وضع الشريعة<sup>11</sup>

unsur adanya mengetahui tidak yang Barangsiapa Maqāṣid Allah larangan-larangan dan perintah-perintah dalam mendalam secara syariah (agama) mengetahui tidak ia maka..

melirik perlunya menegaskan juga Juwaini-al Imam murid Gazali-al Imam kuat, lebih yang bahasa Dengan menegaskan Ia Syarī‘ah. -al Maqāṣid

إن مقاصد الشريعة قبلة المجتهدين من توجه إلى جهة منها أصاب الحق<sup>12</sup>

“Sesungguhnya Maqāṣid al-Syariah itu ialah destinasi (kiblat) bagi semua ulama mujtahidin, barangsiapa yang menuju salah satu aspeknya maka ia akan menemukan kebenaran.”

Ibn al-Jauzi, seorang ulama mazhab Hanbali turut memberi kenyataan mengenai pentingnya Maqāṣid al-Syariah dengan mengatakan:

الفقيه من نظر في الأسباب والنتائج وتأمل المقاصد<sup>13</sup>

<sup>11</sup> Al-Juwaini. Al-Burhan fi ushul al-Fiqhi, 1/206.

<sup>12</sup> Al-Suyuti. Al-Raddu ‘Ala man Akhlada ila al-Ard wa Jahala Anna al-Ijtihada fi Kulli ‘Ashriin Fardun. Hlm 91.

<sup>13</sup> Ibn al-Jauzi. 1985. *Talbis Iblis*, Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi, hlm. 275.

“Seorang faqih mesti selalu memperhatikan sebab-sebab dan akibat-akibat dan ia pun sepatutnya memikirkan maksud-maksud perkara hukum.”

Imam al-Syatibi, ulama yang disepakati sebagai pengasas teori Maqāṣid al-Syariah memiliki kenyataan yang singkat tapi jelas. Ia mengatakan :

المقاصد أرواح الأعمال<sup>14</sup>

sendiri itu perbuatan-perbuatan bagi nyawa dan roh adalah itu tujuan-Tujuan ..

Ibnu ‘Asyur, ulama kontemporari yang memiliki perhatian untuk membina ilmu khusus yang dinamakan Maqāṣid al-Syariah dan memisahkannya dari ilmu Usul fiqh, menyatakan,

إهمال النظر في مقاصد الشريعة من أسباب تخلف الفقه وجموده<sup>15</sup>

“Mengabaikan Maqāṣid al-Syariah merupakan salah satu factor bagi kejumudan dan kemunduran fiqh.”

Manakala syekh Muhammad al-Kattani menyatakan sebagai berikut;

إن من أسباب انحطاط الملة ذكر الأحكام مجردة عن أسرارها<sup>16</sup>

“Salah satu faktor kemunduran Islam adalah menyampaikan hokum-hakam tidak disertakan rahasia-rahasiannya.”

#### 4. Pemahaman dan Penerapan Maqāṣid Al-Syariah dalam Konteks Kontemporari

Seperti yang sudah disinggung sebelumnya bahawa Maqāṣid al-Syariah merupakan sebuah pendekatan sistem yang komprehensif dalam memahami dan mengaplikasikan Islam. Namun demikian, kertas kerja ini akan difokuskan pada konsep *al-Dharūriyāt al-Khamsah* yang telah menjadi icon utama Maqāṣid al-Syariah iaitu *Hifz al-Din*, *Hifz al-Nafs*, *Hifz al-Nasal*, *Hifz al-‘Aql* dan *Hifz al-Mal*. Lima bentuk kemaslahatan ini merupakan isu utama dalam kajian Maqāṣid al-Syariah dan kita akan coba melihat bagaimana penerapan-penerapan konsep ini dalam dunia kontemporari.

Sebagai penjelasan awal terhadap tujuan-tujuan hukum Islam yang lima diatas, dapatlah dikatakan bahawa untuk membangun manusia Allah menurunkan pelbagai hukum formal pertikular yang berkaitan dengan setiap perbuatan manusia dalam semua bidang samada ibadah mahupun muamalah dan semua hukum yang dimaksud bertujuan untuk mewujudkan lima tujuan dan cita-cita mulia yaikni agar supaya agama, jiwa, keturunan, akal dan harta manusia terpelihara dan terjaga. Dengan erti lain pembangunan manusia seutuhnya baru dapat dikatakan sukses dalam kacamata Islam apabila manusia itu sendiri mempertahankan, memelihara ajaran-ajaran agamanya, mempertahankan nyawanya, memelihara keturunannya, memelihara akal dan hartanya.

Lima kemaslahatan utama manusia diatas dalam kajian hukum Islam umumnya dan Maqāṣid al-Syariah khususnya dipopulerkan dengan istilah *al-Maqāṣid al-‘Āmmah* atau *al-Maqāṣid al-Aṣliyyah* (tujuan-tujuan umum atau tujuan-tujuan pokok)<sup>17</sup>

*al-Maqāṣid al-‘Āmmah* ini terus mengalami pengayaan wacana sejak al-Gazali bahkan al-Juwaini memperkenalkannya. Dalam erti kata, ulama sejak dulu sampai sekarang sentiasa berusaha mengembangkan bagaimana mekanisme untuk menerjemahkan ke dalam dunia nyata berdasarkan konteks zaman masing-masing.

Berdasarkan kenyataan diatas, maka kalau kita menghendaki terwujudnya pembangunan manusia berkelanjutan dan tercapainya kebahagiaan manusia yang sejati maka tidak boleh difahami dari kata “memelihara” merasa cukup memelihara dan mempertahankan apa yang sudah dicapai sepertimana keadaan seadanya. Kerana mempertahankan sesuatu itu baru boleh dilakukan kalau keadaannya sudah mapan dan itu tidak mungkin terjadi dalam konteks keupayaan manusia yang serba terbatas. Maka dengan demikian maka sentiasa terbuka adanya inovasi-inovasi perbaikan dan pengayaan. Pengalaman historis cukup menunjukkan bahawa kurangnya kemajuan yang berkelanjutan dalam membumikan Maqāṣid ‘āmmah diatas boleh jadi menjadikannya tidak dapat dipertahankan begitu juga tidak dapat meneruskan pembinaan manusia dalam jangka panjang dan boleh jadi pada gilirannya akan melahirkan stagnasi dan akan berakibat kepada kehancuran.<sup>18</sup>

Pengayaan, inovasi dan pengembangan wacana implementasi *al-Maqāṣid al-‘Āmmah* dianggap perlu berdasarkan kenyataan bahawa keperluan-keperluan masyarakat moden sudah sangat jauh berbeza dengan keperluan masyarakat dulu ketika ulama kita memperbincangkan isu ini.

Salah satu contoh yang dapat membuktikan hal ini ialah meskipun konsep *al-Maqāṣid al-‘Āmmah* telah diterima baik oleh semua ulama, namun strukturnya sendiri menjadi bahan perdebatan. Al-Gazali misalnya membuat struktur ;

<sup>14</sup> Lihat al-Syatibi, Opcit jilid 2 hlmn 344.

<sup>15</sup> Al-Raisuni. 2009. Madkhal ila Maqāṣid al-Syariah, Kaheerah: Dar al-Kalimah li al-Nasyr wa al-Tawzi’. hlm.17

<sup>16</sup> Ibid.

<sup>17</sup> Agar tujuan-tujuan pokok dapat bekerja dengan baik Islam menetapkan berbagai bentuk tujuan-tujuan pendukung yang disebut dengan *Maqāṣid Tābi‘ah* yakni tujuan-tujuan pendukung atau sekunder.

<sup>18</sup> Muhammad Umar Syabra, *al-Ru‘ya al-Islāmiyyah li al-Tanmiyah wifqa Maqāṣid al-Syariah*, hlm.55.

agama, jiwa, akal, keturunan dan harta<sup>19</sup> manakala al-Razi menyusunnya secara tidak konsisten kadang-kadang susunannya; jiwa, harta, keturunan, agama dan akal dan pada kesempatan lain susunannya; jiwa, akal, agama, harta dan keturunan<sup>20</sup>. Al-Gazali sendiri membolehkan minum khamar, memakan harta milik orang lain dan mengucapkan lafaz murtad atas sebab adanya ancaman pembunuhan<sup>21</sup>. Sikap ini mengindikasikan bahawa jiwa lebih utama dari segi susunan dari agama, harta dan akal.<sup>22</sup>

Yang menarik dari kenyataan ini ialah posisi jiwa manusia dalam komposisi tujuan-tujuan umum hukum Islam dimana ia menempati posisi pertama bagi sebahagian ulama kerana agama dan keberagamaan tidak mungkin terwujud tanpa adanya manusia. Dalam konteks pembangunan manusia berkelanjutan tampak pandangan al-Razi yang lebih sesuai atas dasar bahawa manusia sebagai makhluk yang berfungsi sebagai Khalifah Allah adalah mereka target dan tujuan pembangunan dan pada saat yang sama ia juga sebagai instrument pembangunan dalam erti merekalah yang mencipta pembangunan dirinya dan kehancuran dirinya sebagaimana firman Allah “ Sesungguhnya Allah tidak akan merubah nasib sesuatu kaum sebelum mereka merubah dirinya”. Berikut penjelasan kontemporari mengenai cara-cara mewujudkan dan memelihara tujuan-tujuan umum syariat Islam (*al-Maqāsid al-‘Ammah*).

## Pembangunan Manusia dan Hifz Al-Nafs

Untuk memperkuat ketahanan jiwa manusia sebagai salah satu tujuan syariat Islam perlu merancang cara-cara yang mesti ditempuh untuk mewujudkannya. Yang pertama yang perlu dilakukan ialah menentukan keperluan-keperluan pokok manusia bukan hanya untuk meningkatkan taraf hidup dan keberlangsungannya tetapi juga untuk memungkinkan mereka untuk memainkan peranannya sebagai khalifah secara efektif. Pemenuhan keperluan dan keperluan pokok ini akan menjamin lahirnya tingginya ketangguhan akhlak, fisik dan akal manusia dan yang terpenting akan memperkokoh kemampuan teknikal generasi masakini dan akan datang dan proses ini akan menghantarkannya mencapai kejayaan berkelanjutan.

### a. Kehormatan dan Penghormatan diri, Persaudaraan Kemanusiaan, Persamaan Sosial

Ini merupakan salah satu keperluan pokok untuk memperkuat ketahanan jiwa manusia. Hal ini berdasarkan kepada pandangan hidup Islam yang mendeklarasikan bahawa tabiat dasar (fitrah) manusia adalah suci dan tak memiliki cacat spiritual selama ia tidak mengalami pengrusakan. Allah misalnya mengatakan, “Dan hadapkanlah wajahmu (Muhammad) dengan lurus kepada agama Allah, yang demikian adalah fitrah yang Allah ciptakan untuk manusia”<sup>23</sup> dan “Sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya”<sup>24</sup> dengan demikian, manusia mesti selalu berusaha memelihara dan mempertahankan tabiat dasar dirinya yakni fitrahnya. Bukan hanya itu Allah juga memuliakan manusia tanpa melihat dan membezakan etnis, warna dan umur berdasarkan firman-Nya “Dan sesungguhnya kami telah memuliakan anak-anak Adam”<sup>25</sup>. Kemuliaan yang diberikan oleh Allah kepada manusia dalam bentuk penobatannya sebagai khalifah dan ini merupakan kemuliaan yang tidak ada bandingannya. Status manusia sebagai khalifah inilah yang memastikan status manusia semuanya menjadi sama dan satu, mereka adalah bersaudara yang memastikan diantara mereka mesti tercipta perdamaian (co-existence) yang pada akhirnya akan memperkokoh kedamaian dan kesejahteraan yang syumul bagi manusia melalui pemanfaatan yang tepat semua sumber yang telah Allah karuniakan.

### b. Keadilan

Keadilan tidak kalah pentingnya bagi memperkuat ketahanan jiwa dan keberlangsungan pembangunan manusia, ia juga merupakan keperluan yang asasi kedua. Tidak ada ertinya kita bicara mengenai kehormatan manusia, persaudaraan dan persamaan sosial apabila kesemuanya tidak ditopang dengan keadilan sosial dan ekonomi. Itulah salah satu alasan mengapa al-Quran menjadikannya sebagai perkara yang paling dekat dengan ketaqwaan dan itu juga sebabnya penegakan keadilan merupakan fungsi utama semua Rasul yang diutus oleh Allah. Hilangnya keadilan bererti sebuah kehancuran.

Perkara keadilan juga merupakan perhatian ulama klasik. Al-Mawardi misalnya menegaskan bahawa “ keadilan yang komprehensif akan mengundang keharmonian, menciptakan ketaatan, negara menjadi makmur, ekonomi menjadi maju, keturunan berkembang dan raja menjadi aman. Tidak ada yang lebih cepat merusak dunia dan merusak tatanan sosial dari kezaliman.”<sup>26</sup> Ibnu Taimiyah termasuk orang yang meyakini prinsip bahawa Allah akan menegakkan sebuah

<sup>19</sup> Al-Gazali, *al-Mustasfā* jilid 1 hlm.258.

<sup>20</sup> Al-Rāzi, *al-Mahṣūl*, Jilid 2 2/220, 612.

<sup>21</sup> Al-Gazali, *al-Mustasfā* jilid 1 hlm.265.

<sup>22</sup> Untuk mengkaji lebih dalam dan terperinci mengenai perdebatan ulama mengenai susunan maqāsid ‘Ammah lihat Jamaluddin ‘Athiyyah, *Nahwa Taf ‘il Maqāsid al-Syariah* hlm 28 dan seterusnya, Cet: IIIT, 2001.

<sup>23</sup> QS al-Rum ayat: 30

<sup>24</sup> QS al-Tin ayat: 4

<sup>25</sup> QS al-Isra ayat 70.

<sup>26</sup> Al-Mawardi, 1955. *adab al-Dunya wa al-Din*, h.125.

negara yang adil meskipun negara kafir dan tidak akan menegakkan negara yang zalim meskipun negara itu beriman<sup>27</sup>. Ibnu Khaldun mengatakan “ Tirani akan menghancurkan peradaban ”<sup>28</sup>.

### **c. Kemajuan Spiritual dan Akhlak**

Ketinggian spiritual dan akhlak seseorang juga merupakan salah satu keperluan asasi yang diperlukan untuk membangun manusia. Namun hal ini susah terwujud apabila tidak ada usaha untuk menciptakan sistem yang dapat mendorong masyarakat untuk memasyarakatkan nilai-nilai akhlak dalam dunia nyata.

### **d. Memelihara Nyawa, Harta dan Kehormatan**

Ini merupakan keperluan pokok dan asasi bagi ketahanan jiwa manusia iaitu memelihara nyawa, harta dan kehormatannya. Al-Quran sangat tegas dalam hal ini dalam berbagai firman-Nya. Misalnya, ia menyamakan status nyawa seseorang apabila ia dibunuh tanpa alasan yang benar dengan nyawa semua manusia<sup>29</sup>. Dan menyelamatkan nyawa seseorang sama dengan menyelamatkan nyawa semua orang. Ini sangat beralasan sebab ajakan Islam kepada persaudaraan manusia dan penghormatan terhadap jiwa apabila ia tidak menganggap membunuh jiwa non muslim sama dengan menghilangkan nyawa orang-orang muslim.

### **e. Kebebasan**

Kebebasan merupakan faktor penting dan keperluan asasi bagi ketahanan dan pembangunan manusia. Tanpa ada kebebasan manusia akan kehilangan semangat dan inisiatif untuk berinovasi dan berkreasi dan pada gilirannya pembangunan tidak akan dapat diwujudkan. Prinsip kebebasan ini menghendaki manusia tidak boleh tunduk merasa hina di depan siapa-siapa melainkan Allah swt. Kedatangan Rasul-rasul Allah diyakini sebagai misi untuk membebaskan manusia dari ikatan-ikatan yang membelenggunya.<sup>30</sup> Kebebasan ini tidak ada hak bagi seorang pun-bahkan negara sekalipun-untuk mencabutnya dan menghilangkannya adalah pelanggaran terhadap nilai dan ajaran Islam.

Perlu ditegaskan disini bahawa meskipun manusia memiliki kedudukan yang tinggi dan mulia sebagai khalifah di bumi tetapi tidaklah bererti mereka memiliki kebebasan penuh dan absolut namun kebebasan itu tetap dibatasi dengan nilai-nilai akhlak yang mulia. Ketika Malaikat diberitahu oleh Allah akan menciptakan manusia sebagai khalifah mereka segera mengajukan keberatannya dan mempersoalkannya dan boleh jadi penyebabnya kerana mereka khawatir manusia akan diberi kebebasan penuh yang menjadikannya menciptakan pertumpahan darah. Para malaikat tidak tahu kalau Allah disamping memberikan manusia kebebasan, Ia akan membekali tiga bekal lainnya untuk mengimbangi kesalah penggunaan kebebasan dan akan membantunya untuk menikmati kehidupan yang mulia tidak sebagaimana yang dikhawatirkan oleh para malaikat. Pertama, adalah Fitrah iaitu tabiat asli manusia yang Allah ciptakan dalam diri mereka dan apabila mengabaikannya manusia akan terjerumus ke dalam lembah kehinaan. Untuk memastikan manusia untuk tidak terjerumus ke dalam lembah kehancuran Allah kemudian membekali manusia bekal kedua. Kedua, Hidayah, yang dimaksud ialah bimbingan dan petunjuk yang dibawa oleh serentetan utusan para Rasul Allah kepada umat manusia di bumi. Ketiga, akal, dan apabila mereka menggunakan akal mereka sepertimana yang diarahkan oleh fitrah dan petunjuk hidayah maka mereka akan mampu menggunakan kebebasannya dengan baik dan benar untuk mewujudkan nilai-nilai Islam dan untuk menghindari membuat kerusakan dan pertumpahan darah.

### **f. Pendidikan**

Memperkaya intelektualiti menerusi pendidikan berkualiti merupakan keperluan pokok manusia untuk membangun dirinya. Pendidikan semestinya memiliki peranan ganda; disamping ia memberi pengetahuan kepada semua individu masyarakat mengenai pandangan hidup Islam, peranannya sebagai khalifah dan nilai-nilai akhlak Islam ia juga semestinya memungkian mereka untuk melaksanakan tugas-tugasnya dengan benar dan pantas dan memperluas cakrawala pengetahuan untuk dinikmati oleh masyarakat lain.

### **g. Good Governance**

Stabiliti politik dan pemerintahan yang baik juga merupakan keperluan asasi bagi ketahanan jiwa manusia. Tanpa keduanya tidak mungkin dapat menerapkan pondasi-pondasi sistem nilai dalam kehidupan masyarakat. Yang akan terjadi hanyalah pelanggaran berterusan terhadap sistem perundang-undangan. Oleh sebab itu, ulama-ulama Islam klasik seperti Abu Yusuf, al-Mawardi, Ibnu Taimiyah dan Ibnu Khaldun telah menegaskan pentingnya pemerintahan dan politik yang stabil. Kerana itulah instabiliti politik yang telah berlaku berkepanjangan di masa yang lalu diyakini sebagai faktor utama bagi lahirnya kejatuhan pemerintahan Islam.

<sup>27</sup> Ibnu Taimiyah. 1967. *Al-Hisbah fi al-Islām*. Hlm.94.

<sup>28</sup> Ibnu Khaldun. *Al-Muqaddimah*, hlm.287.

<sup>29</sup> QS al-Maidah ayat 32.

<sup>30</sup> QS al-A'raf ayat 57.

## **h. Pemberantasan Kemiskinan dan Pemenuhan Keperluan Pokok**

Perhatian Islam yang begitu besar terhadap kehormatan dan kemuliaan manusia, keadilan dan persaudaraan manusia memastikannya untuk menyediakan keperluan asasi baru iaitu keperluan membentasi kemiskinan dan pemenuhan keperluan pokok. Kemiskinan bererti kehilangan kompetensi, kelemahan dan kemandirian. Kemiskinan juga dapat membawa kepada kekafiran. Kehormatan manusia dan kemiskinan adalah dua hal yang bertolak belakang. Tapi pembentasan kemiskinan tidak mungkin terwujud di tengah hilangnya eksploitasi yang maksimal dan secara adil terhadap pelbagai sumber daya yang telah diberikan oleh Allah swt. Oleh kerana itulah ulama fikih Islam sepakat bahawa perhatian terhadap pemenuhan keperluan pokok umat Islam merupakan fardu kifayah (kewajiban kolektif) bagi masyarakat Islam. Penegasan ini dapat juga ditemukan dalam pandangan ulama kontemporari seperti al-Maududi, al-Sibai, Abu Zahra, Yusuf al-Qaradawi, Hasan al-Banna, Sayyid Qutb, Muhamad al-Mubarak dll.<sup>31</sup>

## **i. Kesempatan Kerja**

Islam melarang umat Islam untuk menjadi anggota masyarakat yang peminta-minta kerana itu melanggar prinsip Islam yang menegaskan kemuliaan manusia. Kerana itu, adalah sebuah kewajiban untuk berusaha sendiri memenuhi keperluan-keperluan pribadi untuk mendukung kehormatan dan kemuliaannya. Atas dasar itu, menjadi kewajiban individual juga untuk mencari usaha untuk memenuhi keperluan keluarganya. Kerana itulah, ulama fikih telah menegaskan bahawa kelemahan atau ketidak mampuan seseorang untuk melaksanakan kewajiban pribadinya dengan mencari rezki maka dia tidak akan mampu memelihara kesehatannya, baik secara fisik mahupun mental bahkan ia tidak akan mampu melaksanakan kewajiban ibadahnya. Belum lagi mengenai komitmennya sebagai khalifah di bumi.

Berdasarkan kenyataan diatas, maka menjadi kewajiban masyarakat muslim untuk mengelola ekonomi dengan cara yang dapat memberi kepada setiap orang akses mendapatkan sumber rezki dengan kemampuan-kemampuan yang mereka miliki. Pejabat awam semestinya memperluas jangkauan micro-finance dan mesti menjadi prioriti di negara-negara muslim.<sup>32</sup>

## **Pembangunan Manusia Menerusi Pembinaan dalam Perkara Agama, Akal, Keturun dan Harta**

Dalam pandangan Islam, mewujudkan cita-cita luhur dari Islam yakni terwujudnya kesejahteraan dan ketentraman hakiki bagi semua umat manusia tidak dapat hanya dilakukan melalui memelihara jiwa dengan cara memenuhi keperluan-keperluan asasi manusia seperti yang telah dihuraikan diatas tapi juga melalui pemeliharaan terhadap agama, harta dan akalnya dengan inovasi dan pengembangan mengikut perkembangan zaman yang ia hidupi dan alami. Dengan kata lain memelihara agama, akal, harta dan keturunan masing-masing memiliki peranan penting dalam memperbaiki, membangun dan mengembangkan jiwa manusia. Dan apabila hal itu tidak dilakukan maka sangat sulit dibayangkan dapat mewujudkan kesejahteraan bagi generasi sekarang dan akan datang seperti yang diharapkan bahkan boleh jadi mengancam eksistensi peradaban itu sendiri.

## **a. Penguatan dan Pengayaan *Hifz al-Din***

### **Worldview Islam**

Suatu hal yang tidak dapat diragukan lagi ialah bahawa kedudukan manusia sebagai tujuan sekaligus sebagai instrumen pembangunan menghendaki adanya prioriti bagi terwujudnya kebaikan dan terciptanya kesejahteraan mereka. Pandangan dunia Islam (*worldview*) diyakini sebagai sesuatu yang memiliki potensi kuat untuk melakukan perbaikan dan pembangunan manusia dengan cara yang dapat memberi jaminan bagi terpenuhinya keperluan-keperluan materil dan spiritual bagi individu-individu umat manusia seperti yang sudah dikemukakan sebelum ini. Pandangan Islam melakukan itu semua dengan cara menjadikan kehidupan manusia kehidupan yang penuh dengan makna dan tujuan melalui perubahan yang berterusan terhadap prilaku mereka, gaya hidup, perasaan, pilihan-pilihan hidup dan sikap-sikap mereka yang terkait dengan diri, pencipta, manusia, sumber daya dan lingkungan. Kerana itulah para ulama Islam telah menekankan perlunya mereformasi dan membangun manusia dan peranan yang dapat dimainkan oleh agama dalam reformasi itu.

### **Nilai (Values)**

Perkara nilai dalam proses aktualisasi keberagamaan memiliki peranan sangat penting. Sebab ketinggian akhlak dan solidariti sosial hanya dapat diwujudkan melalui dua perkara yakni adanya nilai atau pondasi-pondasi prilaku yang diterima luas oleh masyarakat dan pelaksanaan nilai-nilai itu sendiri oleh masyarakat itu sendiri dan orang-orang yang

<sup>31</sup> Muhammad Umar Syabra, hlm.19.

<sup>32</sup> Ada beberapa keperluan asasi lain yang diyakini dapat memberi kontribusi signifikan bagi memelihara ketahanan dan pembangunan manusia seperti Distribusi Kekayaan secara adil, Perkawinan dan Kehidupan Keluarga yang stabil, Keluarga dan solidaritas Sosial, Mengurangi Kriminal, Ketentraman akal dan Kebahagiaan.



menyalahi nilai-nilai itu akan mendapatkan penyesalan dari masyarakat. Menariknya ialah kerana nilai-nilai yang dapat diterima oleh semua tidak mungkin dicapai melalui kontrak sosial sebab pada biasanya masyarakat itu melibatkan banyak orang yang berasal dari berbagai latar belakang baik secara sosial, ekonomi dan pemikiran. Kalau hal ini terjadi maka hanya agama saja yang sangat potensial yang dapat menyatukan mereka dalam mempersepsikan nilai-nilai itu.

### **Motivasi yang efektif**

Yang dimaksud “Motivasi” disini ialah perlunya memperkasa peranan akidah Islam dalam mendorong komuniti manusia untuk mmeberikan komitmen-komitmen sosial, ekonomi dan politiknya. Kerana meskipun kesepakatan-kesepakatan nilai-nilai yang sudah dicapai tetapi persoalan berikutnya yang menghadang ialah bagaimana caranya nilai-nilai itu dapat dilaksanakan dalam kehidupan masyarakat. Tampaknya pelaksanaan itu sulit dilaksanakan mengingat hal itu akan banyak mengorbankan kepentingan-kepentingan peribadi seseorang. Pada level ini, memainkan isu kepentingan peribadi jangka panjang sangat penting untuk dimainkan yang dalam bahasa akidah adalah kemaslahatan akhirat dimana sistem ekonomi konvensional telah gagal mendorong masyarakat sekuler untuk memberikan komitmen-komitmen yang dimaksud diatas demi kepentingan orang lain.

### **Pendidikan**

Adanya sistem nilai dan usaha memotivasi ke arah pelaksanaannya seperti yang sudah dikemukakan tidak dapat berjalan seperti yang diharapkan apabila tidak disosialisasikan melalui pendidikan. Kerana itulah peranan pendidikan dalam rangka memperkuat pemeliharaan agama seseorang sangat besar. Umat Islam tidak hanya dituntut oleh Islam untuk memahami nilai-nilai Islam dan pandangan hidup Islam tetapi juga mesti mendalami bidang sains dan teknologi. Hal ini tidak hanya bermanfaat agar umat Islam dapat menjadi lebih baik tapi juga dapat memungkinkan masyarakat Islam memajukan pembangunan, mengurangi kemiskinan dan diskriminasi dalam distribusi pendapatan dan kekayaan.

### **Lingkungan Kondusif Bagi Kebajikan, Solidariti Keluarga dan Sosial**

Dalam rangka memperkasa eksistensi nilai dan mengaktifkan usaha motivasi Islam juga menggalakkan terciptanya lingkungan yang kondusif yang dapat mendorong terlaksananya kebajikan-kebajikan dan solidariti sosial dalam kalangan masyarakat. Tanpa lingkungan yang kondusif maka pelaksanaan nilai-nilai Islam akan menjadi redup. Kerana itu, apresiasi masyarakat terhadap orang yang senantiasa melakukan dan mendorong terlaksananya nilai-nilai yang dimaksud serta mengabaikan orang-orang yang tidak melakukannya dapat dikategorikan sebagai salah satu usaha mempersiapkan bagi lingkungan yang kondusif bagi bentuk-bentuk kebajikan.

### **Peranan Negara**

Peranan negara dalam mengeksekusi nilai-nilai Islam sangat diperlukan. Dengan kata lain adanya masyarakat memiliki akidah yang mantap belum sepenuhnya menjadi jaminan terlaksananya nilai-nilai Islam. Adalah sangat keliru bahkan sangat tidak realistic apabila dipahami bahawa masyarakat akan memiliki prilaku akhlak yang baik sebagai hasil dari keimanan mereka terhadap Allah dan bahawa mereka akan mempertanggung jawabkan segala perbuatannya di hadapan-Nya. Bahkan meskipun ia telah memiliki kesadaran akhlak tapi ia dengan mudah tidak menyadari prioriti-prioriti sosial dalam penggunaan sumber daya. Pada level ini diperlukan peranan dan kehadiran Negara. Ini salah satu makna yang dapat ditangkap dari hadis Nabi “Sesungguhnya Allah mampu mencegah perkara-perkara dengan campurtangan pemimpin (negara) lebih dari apa yang mampu dicegah-Nya dengan al-Quran<sup>33</sup>.

### **B. Pengayaan *Hifz al-Aql***

Akal merupakan hal yang istimewa yang Allah berikan kepada manusia dan ia adalah kekhasan manusia. Kata al-Gazali, akal itu adalah sumber dan dasar pengetahuan dan kedudukannya sama dengan kelahiran buah dari pohon, cahaya dari matahari dan penglihatan dari mata, maka bagaimana mungkin tidak menjadi mulia apa yang menjadi sarana wasilah bagi kebahagiaan dunia dan akhirat.<sup>34</sup> Penekanan terhadap peranan akidah dalam mewujudkan pandangan hidup Islam seperti yang sudah dikemukakan tidaklah bererti peranan akal dikesampingkan. Kerana itulah maka mesti selalu ada upaya pengembangannya untuk memperbaiki tingkat pengetahuan dan teknologi manusia baik secara individual mahupun secara komunal dan untuk menopang dinamika pembangunan. Akidah dan akal dalam Islam merupakan dua perkara yang tidak dapat dipisahkan dalam rangka melakukan pembangunan manusia. Akidah mengarahkan akal ke arah yang benar. Tanpa akidah akal sangat potensial terjerumus ke dalam lembah penipuan dan eksploitasi manusia dan bahkan dapat menciptakan senjata pemusnah. Pada saat akal memerlukan arahan dari akidah agar dapat berkhidmat untuk kemanusiaan pada saat yang sama akidah memerlukan kontribusi akal untuk menjaga

<sup>33</sup> Al-Mawardi, al-Ahkam al-Sultaniyyah h.125. thn.1955.

<sup>34</sup> Al-Gazali, Ihya ‘ulūm al-Din vol.1 hlm.83.

efektifiti dan spiritnya agar dapat memberi respon positif terhadap lingkungan sosial, ekonomi dan pemikiran yang selalu berubah.

### **Fokus Pada Pendekatan Maqāṣid Dalam Menafsirkan Teks-Teks Hukum**

Disini tampaknya tidak terlalu diperlukan elaborasi panjang mengenai pendekatan Maqāṣid sebagai kanal utama penggunaan dan pengembangan akal dalam Islam setelah di awal tulisan ini dikemukakan mengenai pentingnya Maqāṣid dalam memahami dan mengaplikasikan ajaran-ajaran Islam terutama bidang hukum Islam. Hanya point penting yang perlu ditambahkan disini ialah bahawa dalam memberi ruang akal dalam berkontribusi bagi pembangunan manusia hendaklah aktifiti-aktifiti ijtihad yang menjadi fungsi utama akal dalam Islam berfokus pada pendekatan Maqāṣid dan tidak terjebak pada pemaknaan teks-teks secara literal (harfiah) yang justeru dapat contra produktif bagi pengembangan dan pembangunan manusia. Bahkan dalam konteks perkembangan kontemporari pendekatan Maqāṣid al-Syariah dapat mereduksi trend radikalisme dan ekstrimisme dan sebaliknya dapat menciptakan moderasi pemahaman keagamaan. Moderasi pemahaman bagi umat Islam dianggap sebagai langkah maju dalam konteks pembangunan manusia kerana pendekatan ini lebih banyak membangun daripada menghambat pembangunan.<sup>35</sup>

### **Pendidikan Keagamaan dan Sains yang Maju**

Pengembangan akal sebagai keperluan asasi manusia menuju pembangunan manusia tidak hanya menuntut untuk mencari dan memperluas keilmuan keagamaan Islam tapi juga mesti memperluasnya kepada bidang sains sebagai manifestasi dari perintah pertama Allah kepada Nabi Muhammad Saw melalui wahyu yang pertama. Perintah membaca adalah kata kunci penting bagi semua bentuk pengetahuan yang dapat mengembangkan dan membangun kapasitas manusia di bumi.

### **C. Pengayaan *Hifz al-Nasal***

#### **Pembangunan Pendidikan Akhlak**

Al-Nasal dalam konteks kontemporari lebih tepat diterjemahkan menjadi generasi jadi *hifz al-Nasal* ialah berusaha memelihara dan mempertahankan ketahanan generasi sekarang agar dapat survive pada generasi mendatang. Memelihara ketahanan generasi sangat erat hubungannya dengan peradaban. Sebab peradaban tidak mungkin bertahan apabila generasinya memiliki kualiti lebih rendah dari generasi sebelumnya baik dari aspek rohani, materi dan pemikiran. Dan kerana kelemahan kualiti itu mereka tidak mampu menghadapi cabaran-cabaran yang menghadangnya. Kerana itulah perlu adanya usaha-usaha berkelanjutan untuk memperbaiki kualiti generasi demi generasi. Paling tidak usaha perbaikan ini akan berfokus pada beberapa faktor seperti kualiti pendidikan awal kanak-kanak. Dengan demikian untuk menjadikan anak-anak kita menjadi muslim yang berkualiti perlu menanamkan kepada mereka semua indikator akhlak yang baik yang diharapkan oleh Islam. Anak-anak kita mesti belajar dari awal sekali kejujuran, kebenaran, keikhlasan, kesabaran, kedisiplinan, kerja keras, pengurusan, adab, menghormati orangtua dan guru, bersikeras melaksanakan komitmen dengan orang lain terutama kepada orang fakir miskin dan mampu berinteraksi dengan damai bersama orang lain.

#### **Pendidikan Anak Yang Benar dan Pembinaan Keluarga Yang Kondusif**

Keluarga merupakan tumpuan dan harapan masyarakat Islam dalam konteks pendidikan akhlak bagi anak dan generasi. Apabila keluarga sudah tidak mampu memainkan peranan dalam hal ini maka akan sulit mengatasi kesulitan-kesulitan yang akan ditimbulkan oleh generasi kita di masa hadapan.

Bagaimanapun keluarga tidak akan mungkin menaruh harapan-harapan ini kalau orang tua itu sendiri tidak memiliki karakter-karakter yang mencerminkan roh ajaran-ajaran Islam. Untuk mencapai ke arah itu, dalam keluarga mesti tercipta iklim yang penuh dengan cinta dan kedamaian<sup>36</sup>. Kerana itu perceraian yang diakibatkan oleh terciptanya konflik dan perseteruan dalam kehidupan orang tua akan mempengaruhi masa depan akhlak, pemikiran dan kejiwaan anak-anak. Kerana itu walaupun perceraian itu sudah menjadi takdir maka mesti ada usaha-usaha serius untuk menghindarkan anak-anak dari impak dan pengaruh buruk dari perceraian itu.

#### **Pengembangan Pemikiran/ Intelektual**

Di samping perlunya kondisi keluarga yang berkualiti dan pendidikan akhlak anak-anak, adalah menjadi kemestian juga untuk memperkaya pemaknaan *hifz al-Nasal* memberikan mereka pendidikan yang benar dan tepat untuk membekalkan mereka kompetensi-kompetensi yang memungkinkan mereka berkontribusi secara aktif dalam pembangunan akhlak, sosial, ekonomi, pemikiran dan teknologi bagi masyarakat mereka. Kerana itu ketersediaan

<sup>35</sup> Lihat Abd Rauf Muhammad Amin, Prinsip “I ‘Tibār Al-Maālāt” Dan “Murā ‘Āt Al-Khushūshiyāt” Dan Kontribusinya Bagi Keberlangsungan Ummah: Sebuah Kajian Maqāṣid Al-Syariah, Journal of Techno Sosial UTHM Malaysia.

<sup>36</sup> Petunjuk dan panduan mengenai hal ini lihat QS al-Rum ayat 21.

sekolah dan perguruan tinggi yang berkualiti adalah sebuah keniscayaan. ironisnya, bidang ini justeru umat Islam memiliki *track record* dan *performance* yang buruk sepanjang beberapa abad yang lalu setelah mereka mencetak record yang gemilang beberapa abad sebelumnya. Kerana itu dapat ditegaskan bahawa ketika pendidikan dan sumber daya manusia yang diperlukannya tidak mendapat prioriti maka tidak mungkin dunia Islam dapat mengakselerasi pembangunan dan mampu berdiri tegak menghadapi ancaman dan cabaran di masa hadapan. dengan demikian maka mesti ada upaya untuk membuka akses seluas luasnya bagi semua warga dan jangan sampai hanya dapat dinikmati oleh orang kaya yang pada akhirnya justeru melahirkan masalah baru yakni terciptanya diskriminasi dalam bidang pendidikan dan pada akhirnya terjadi adanya instabiliti sosial.

### **Penciptaan Lingkungan yang Sehat**

Semua harapan-harapan yang sudah disebutkan tidak mungkin berjalan dengan baik kalau masyarakat kehilangan ketersediaan kesehatan. Kerana itu menciptakan lingkungan yang sehat juga merupakan faktor penting dalam konteks perbincangan pengembangan *hifz al-Nasal*.

Anak-anak kita mesti memiliki kesehatan yang prima samada fizikel mahupun mental dan kemampuan memainkan peranan dalam masyarakat secara aktif. Hal ini adalah salah intisari dari sabda Rasulullah " Orang mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dicintai oleh Allah dari orang mukmin yang lemah". Kerana itu, anak-anak yang tidak mendapat gizi yang sehat, lingkungan bersih dan sehat, perlindungan kesehatan yang berkualiti maka pada saat nanti sudah remaja mereka akan menjadi lemah dan sakit dan tidak akan mampu berbuat apa-apa untuk masyarakatnya meskipun ia memiliki akhlak yang paripurna dan pendidikan yang berkualiti.

### **Menciptakan Rasa Aman dari Konflik, Tidak Aman, Beban Tanggungan Hutang**

Faktor penting lainnya yang dapat dilakukan untuk mengembangkan *Hifz al-Nasal* ialah usaha untuk membebaskan masyarakat dari teror dan ketakutan dan konflik-konflik dan instabiliti juga beban membayar utang sebagai pinjaman generasi sekarang kerana belanja yang berlebihan. Untuk mengurangi ketegangan dan konflik-konflik itu hal yang perlu dilakukan ialah dengan membangun politik tolak angsur dan kerukunan secara damai begitu juga perlu mengkhususkan budget yang cukup untuk kesefahaman antara individu masyarakat.

### **D. Pengembangan *Hifz al-Mal***

Posisi harta dalam Islam tidak dapat dikesilkan dan diremehkan. Itulah sebabnya dalam struktur Maqāsid al-Syariah versi Imam Fakhruddin al-Razi menempatkan memelihara harta setelah memelihara jiwa manusia terlepas dari perdebatan ketepatan penempatan itu. Menjaga dan mengembangkan al-Mal (harta) terasa pentingnya apabila ia dihubungkan dengan proyek besar Islam untuk memerangi kemiskinan dan dorongan Islam kepada manusia untuk senantiasa bekerja bahkan Nabi mengatakan " Barangsiapa yang terbunuh kerana membela dan mempertahankan hartanya maka ia mati syahid"<sup>37</sup>. Di tempat lain ia berkata, tidak mengapa kekayaan itu dimiliki asalkan yang memilikinya adalah orang bertakwa"<sup>38</sup>.

Pengembangan harta (kekuatan ekonomi) umat dalam pandangan Islam mesti berorientasi kepada tujuan tujuan pokok dalam Islam iaitu mengurangi diskriminasi dalam distribusi kekayaan dan pendapatan. Kerana itu tidak boleh mengandalkan re-distribusi melalui zakat, sedekah dan wakaf sahaja. Meskipun kesemua sumber ini tidak dapat diabaikan namun sudah semestinya memperluas dan memperlebar sektor sumber-sumber pendapatan negara melalui pengembangan ekonomi. Kerana membebaskan pendapatan dan belanja negara kepada konglomerat sahaja lambat laun akan menghadapi resistensi dari mereka.

Impian dan cita-cita luhur untuk mengurangi kemiskinan dan diskriminasi distribusi dalam bidang ekonomi meniscayakan usaha-usaha memperkuat sumber tenaga manusia melalui pendidikan, kemajuan teknologi, kerja keras, kompetensi, komitmen, riset, disiplin, kerja team dan manajemen dan keperluan-keperluan lain yang mesti menjadi karakter individu dan masyarakat yang telah ditegaskan oleh Islam dan yang masih terasa lemah dalam kehidupan umat Islam bahkan belum mendapat perhatian sebagaimana mestinya di sekolah-sekolah, kurikulum dan ceramah-ceramah keagamaan.<sup>39</sup>

Upaya untuk mengembangkan kekuatan ekonomi, disamping menuntut pengembangan sumber daya manusia seperti tadi juga menghendaki revisi ulang kebijakan-kebijakan moneter, perdagangan dan keuangan berdasarkan prinsip dan ajaran Islam bagi menjamin percepatan pembangunan ekonomi. Kerana itu tidak perlu ada kekhawatiran untuk mengadopsi eksperimen dari negara-negara luar yang telah berhasil menunjukkan kesuksesannya mewujudkan tingkat perkembangan yang tinggi dalam bidang pembangunan.

<sup>37</sup> Al-Bukhari, Shahih al-Bukhari, kitab: *al-Mazalim*, bab: *Man qutila duna mālihi fahuwa Syahid*.

<sup>38</sup> Al-Bukhari, al-Adab al-Mufrad, hlm.301,311.

<sup>39</sup> Muhammad Umar Syabra, al-Ru'ya al-Islāmiyyah li al-Tanmiyah wifqa Maqāsid al-Syariah, hlm.45.

## 5. Kesimpulan

Maqāṣid al-Syariah merupakan pendekatan yang sangat esensial dan penting dalam rangka memahami dan mengaplikasikan ajaran-ajaran Islam secara umum dan hukum Islam secara khusus.

Untuk mewujudkan pembangunan manusia secara utuh dan mencapai kebahagiaan yang hakiki bagi manusia (*al-Falah, al-Fauz, al-Rahmah*) perlu adanya pendekatan komprehensif yang mencakup pembangunan fizikal, mental, spiritual dan non material. Pembangunan manusia tidak boleh hanya diukur berdasarkan indikator-indikator materiil seperti tingkat pendapatan dan rasio kekayaan harta.

Islam sebagai sebuah agama memiliki konsep yang komprehensif dalam membina dan membangun manusia secara utuh melalui pendekatan atau paradigma Maqāṣid al-Syariah.

Pendekatan Maqāṣid al-Syariah terutama Maqāṣid ‘Ammah yang meliputi agama, jiwa, keturunan, akal dan harta perlu pengayaan dan penafsiran mengikut perkembangan kontemporari mengingat penjelasan ulama klasik mengenaiya tidak terlepas dari perkembangan dan situasi manusia dan masyarakat saat itu.

## Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Kolej Universiti Perguruan Ugama, Brunei atas bantuan dan maklumat yang diberikan untuk memastikan kejayaan kajian ini.

## Rujukan

- [1] Abd Rauf Muhammad Amin, Prinsip “I ‘Tibār Al-Maālāt” Dan “Murā ‘Āt Al-Khushūshiyāt” Dan Kontribusinya Bagi Keberlangsungan Ummah: Sebuah Kajian Maqāṣid Al-Syariah, Journal of Techno Sosial UTHM Malaysia
- [2] Abd. Rauf Amin. 2013. *al-Ijtihadu taatstsuruhi wa Ta'tsiuruhi fi Fiqhai al-Maqāṣid wa al-Waqi*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah
- [3] Al-‘Iz bin Abdussalam. Tth. *Qawaid al-Ahkam fi Masalih al-Anam*, Beirut: Dar al-kutub al-‘Ilmiah
- [4] Al-Amidi. 1404. *Al-Ihkam fi ushul al-Ahkam*, Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi
- [5] Al-Bukhari, *al-Adab al-Mufrad*
- [6] Al-Bukhari, Shahih al-Bukhari
- [7] Al-Gazali, Ihya ‘ulūm al-Din
- [8] Al-Gazali. 1413. *Al-Mustashfa*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah
- [9] Al-Juwaini.1995. *Al-Burhan fi ushul al-Fiqhi*, Mesir: Dar al-Wafa
- [10] Al-Mawardi, 1955. *adab al-Dunya wa al-Din*
- [11] Al-Mawardi, *al-Ahkam al-Sultaniyyah* . thn.1955
- [12] Al-Raisuni. 1992. Nazariyyat al-Maqāṣid ‘Inda al-Syatibi, al-Ma ‘had al-‘Alami li al-Fikr al-Islami, hlm.19
- [13] Al-Raisuni. 2009. *Madkhal ila Maqāṣid al-Syariah*, Kaherah: Dar al-Kalimah li al-Nasyr wa al-Tawzi’
- [14] Al-Rāzi, al-Mahṣūl fi Ushul al-Fiqh
- [15] Al-Suyuti. *Al-Raddu ‘Ala man Akhlada ila al-Ard wa Jahala Anna al-Ijtihada fi Kulli ‘Ashriin Fardun*
- [16] al-Syatibi, al-Muwāfaqāt fi Ushūl al-Syariah
- [17] [https://id.wikipedia.org/wiki/Tujuan\\_Pembangunan\\_Berkelanjutan](https://id.wikipedia.org/wiki/Tujuan_Pembangunan_Berkelanjutan)
- [18] Ibn al-Jauzi. 1985 . *Talbis Iblis*, Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi
- [19] Ibnu ‘Asyur. 2001. *Maqāṣid al-Syariah al-Islamiyyah*, Jordan: Dar al-Nafais
- [20] Ibnu Khaldun. *Al-Muqaddimah*
- [21] Ibnu Taimiyah. 1967. *Al-Hisbah fi al-Islām*
- [22] Jamaluddin ‘Athiyyah, Nahwa Taf ‘il Maqāṣid al-Syariah, Cet: IIIT, 2001
- [23] Muhammad Umar Syabra, al-Ru’ya al-Islāmiyyah li al-Tanmiyah wifqa Maqāṣid al-Syariah
- [24] Yusuf al-‘Alim. Tth. *Al-Maqāṣid al-Ammah li al-Syariah al-Islamiyyah*, Kairo: Dar al-Hadits